

Dagangan:	Kod Tarif :
49. COMPUTER BRIEFCASE Trade Name: Computer Carrying Case Brand: Case Logic Model: VNC-15	4202.12.000

Keterangan :

Barangan ini merupakan beg berwarna hitam berbentuk empat segi dengan ukuran 16.5'' panjang x 12.5'' tinggi x 4.75'' lebar. Ia diperbuat daripada nylon dengan *textile interior lining*. Ia berupa *briefcase* yang direkabentuk untuk memuatkan *laptop computer, business paper* dan lain-lain barangan yang berkaitan. Pada bahagian tengah, ia mempunyai satu *main zippered, padded compartment* dengan *moveable padded divider* untuk mengisi laptop pelbagai saiz. *Compartment* ini juga mempunyai satu poket pada bahagian bersebelahan yang boleh diisi dengan fail atau dokumen. Pada bahagian hadapan beg terdapat satu *zippered organizer compartment* yang mempunyai beberapa poket untuk pen, *business card, discs* komputer, fail atau dokumen dan *netting* poket untuk barangan *accessories* komputer. Pada bahagian hadapan *compartment* ini terdapat *zippered speed pocket* dengan *sliding fastener, a quick access* untuk meletakkan barangan berharga seperti jam tangan, kunci, syiling, *handphone* dan lain-lain barangan. Pada bahagian belakang beg pula terdapat *full- width/length* poket yang boleh dimuatkan dengan lain-lain fail dan dokumen. Beg ini juga mempunyai pemegang pada bahagian atas (*reinforced carrying handle*) dan dilengkapi dengan *adjustable* dan *removeable shoulder strap*.

Berdasarkan maklumat yang diberikan, barangan ini adalah direkabentuk khusus untuk membawa komputer lap-top. Ia juga boleh dimuatkan dengan barangan lain seperti aksesori komputer, fail, dokumen, pen, disket serta barangan lain yang perlu dibawa bersama dengan komputer tersebut.

Memandangkan barangan ini merupakan beg berbentuk empat segi seperti *briefcase* serta diperbuat daripada bahan *textile*, maka ia adalah sesuai sebagai *briefcase* daripada *textile materials*. Barangan ini mendapat liputan serta menepati keterangan EN di mukasurat **VIII-4202-1** bagi kepala 4202 iaitu :

42.02 – *Trunks, suit-cases, vanity cases, executive-cases, briefcases, schools satchels, spectacle cases, binocular cases, camera cases, musical instrument cases, gun cases, holsters, and similar containers ;, of leather or of composition leather, of sheeting of plastics, of textile materials, of vulcanized fibre or of paperboard, or wholly or mainly covered with such materials or with paper (+) .*

- *Trunks, suit-cases, vanity cases, executive-cases, briefcases, schools satchels, and similar containers :*

4202.12 - - With outer surface of plastics or of textile materials

This heading covers only the articles specifically named therein and similar containers.

These containers may be rigid or with a rigid foundation, or soft and without foundation.

Berdasarkan deskripsi, kegunaan barangan serta penerangan di atas, barangan ini sesuai dipenjeniskan mengikut **General Interpretation Rule 1** di bawah kod tarif **4202.12.000** Perintah Duti Kastam 2007 sebagai ***“briefcase with outer surface of textile materials”*** dengan nama barangan sebenar *‘computer briefcase’*.

Gambar :



COMPUTER BRIEFCASE

Trade Name: Computer Carrying Case

Brand: Case Logic

Model: VNC-15